

## ISU-ISU SOSIOEKONOMI DAN PERSEKITARAN DI PERKAMPUNGAN AIR DI SEMPORNA DAN KUDAT, SABAH

### *SOCIO-ECONOMIC AND ENVIRONMENTAL ISSUES AT WATER VILLAGES IN SEMPORNA AND KUDAT, SABAH*

Jabil Mapjabil<sup>1</sup>  
Mohammad Kadir Zainal Abidin<sup>2</sup>  
Rosmiza M. Z.<sup>3</sup>  
Noorziah Mohd Salleh<sup>4</sup>  
Datu Razali Datu Eranza<sup>5</sup>  
Mazdi Marzuki<sup>6</sup>

<sup>1</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
(E-mel: kadirzainal@gmail.com)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
(E-mel: miza@ukm.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Kampus Sabah, Malaysia  
(E-mel: noorziah@sabah.uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
(E-mel: drde@ums.edu.my)

<sup>6</sup>Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(E-mel: mazdi@fsk.upsi.edu.my)

#### Article history

Received date : 10-6-2021  
Revised date : 11-6-2021  
Accepted date : 3-7-2021  
Published date : 14-7-2021

#### To cite this document:

Jabil Mapjabil, Mohammad Kadir Zainal Abidin, Rosmiza M.Z., Noorziah Mohd Salleh, Datu Razali Datu Eranza & Mazdi Marzuki (2021). Isu-isu sosioekonomi dan persekitaran di perkampungan air di Semporna dan Kudat, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6 (37), 119 – 137.

---

**Abstrak:** *Petempatan kampung air adalah bentuk petempatan tradisi yang terdapat di sebahagian besar pinggir pantai, pulau-pulau dan muara sungai di negeri Sabah. Petempatan kampung air sering kali dikaitkan dengan kawasan setinggian yang bermasalah atau black area. Meskipun ada dalam kalangan komuniti di kampung air adalah mereka yang berpendidikan, bekerja di sektor awam dan swasta, namun secara umumnya terdapat beberapa isu sosioekonomi yang dapat dikenal pasti. Antaranya, keterlibatan dalam sektor informal (berniaga di tepi jambatan kampung air atau di hadapan rumah serta berniaga kecil-kecilan di pekan), isu bekalan air dan elektrik serta isu kewarganegaraan dan pendidikan anak-anak. Antara gejala sosial yang turut dikaitkan dengan perkampungan air ialah penyeludupan barangan (rokok, dadah dan barangan jualan runcit dari negara jiran), jenayah mencuri dan pecah rumah, penyalahgunaan dadah terutamanya syabu, pembunuhan, perjudian dan pelacuran. Berdasarkan kedudukan dan struktur rumah di atas air dan ada kalanya dibina*

*secara tidak teratur, rapat-rapat dan hanya menggunakan titi kecil antara rumah, maka didapati isu persekitaran adalah agak kritikal terutamanya isu pembuangan sisa pepejal dan kumbahan, pembuangan sampah, pencemaran air laut dan pantai serta pencemaran bau dan pemandangan fizikal terutamanya pelancong dan pengunjung apatah lagi jika ia dibina berdekatan dengan pekan atau bandar. Untuk itu, kertas kerja ini akan meneliti isu sosioekonomi dan persekitaran berdasarkan tinjauan awal melalui pemerhatian penyelidik di Semporna dan Kudat.*

**Kata Kunci:** *Sosioekonomi, Persekitaran, Petempatan, Kampung Air, Gejala Sosial*

**Abstract:** *Water village settlement is a form of traditional settlement found in most of the coastlines, islands and estuaries in the state of Sabah. Water village settlements are often associated with problematic squatter areas or black areas. Although some of the communities in the water villages are those who are educated, working in the public and private sectors, but in general there are some socio-economic issues that could be identified. Among them, involvement in the informal sector (doing business by the water village bridge or in front of the house as well as small business in the town), water and electricity supply issues as well as citizenship issues and education of children. The social symptoms were also associated with water villages like smuggling of goods (cigarettes, drugs and groceries from neighboring countries), theft and burglary, drug abuse especially Methamphetamine, murder, gambling and prostitution. Based on the position and structure of the house on the water and sometimes built irregularly, close and using only small bridges between houses, it is found that environmental issues are critical, especially the issue of solid waste and sewage disposal, garbage disposal, seawater and beach pollution, as well as odor pollution and physical scenery to the tourists and visitors if it is built close to town or city. To that end, this article examines socio-economic and environmental issues based on a preliminary survey through the observations of researchers in Semporna and Kudat.*

**Keywords:** *Socioeconomics, Environment, Settlement, Water Village, Social Symptoms*

## **Pengenalan**

Petempatan kampung air merupakan bentuk petempatan tradisi yang terdapat di sebahagian besar pinggir pantai, pulau-pulau dan muara-muara sungai di Borneo amnya dan khususnya di negeri Sabah (Amaluddin et al., 2004). Petempatan kampung air wujud sejak berabad yang lalu. Kampung air yang besar merupakan bekas kota bagi kebanyakan kerajaan maritim. Antaranya termasuklah Kesultanan Maguindanao, Kesultanan Makassar, Kesultanan Sambas, Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu (Amaluddin, 2002). Namun begitu, pada masa ini, kebanyakan petempatan kampung air dianggap sebagai kawasan setinggan yang bermasalah. Perkampungan ini dikatakan sebagai *black area* kerana sering dikaitkan dengan pelbagai kegiatan jenayah seperti penyeludupan, perjudian, dadah dan pelacuran. Selain itu, petempatan kampung air turut dikaitkan dengan isu persekitaran seperti pembuangan sisa pepejal dan kumbahan, pencemaran air laut dan bau. Hal ini kerana sampah-sarap dan sisa kumbahan penduduk dibuang terus ke sungai atau laut menyebabkan bau busuk dan pemandangan kurang menyenangkan (Mohammad Raduan, 2000). Kesan daripada masalah yang berlaku di kampung air menyebabkan pihak berkuasa mengklasifikasikan kampung air ini setaraf dengan petempatan setinggan (Mohammad Raduan, 1996). Menurut Nik Juliana et al. (2014), terdapat sebahagian daripada mereka bukan daripada golongan yang tidak berkemampuan tetapi sebenarnya tidak

mahu terikat dengan beban hutang dengan memilih kawasan setinggan sebagai penempatan, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai masalah sosial serta serba kekurangan daripada aspek kemudahan dan fizikal.

Laporan Permasalahan Setinggan di Malaysia yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada bulan Disember 1997 melibatkan seramai 413,728 orang di seluruh negara. Di negeri Perak sahaja, terdapat 21,747 orang yang menetap di perkampungan setinggan atau 5.2% daripada jumlah keseluruhan setinggan di seluruh negara. Menurut Laporan Kajian Pengawasan dan Penempatan Semula Setinggan yang dijalankan oleh kementerian yang sama pada tahun 1999 pula, jumlah penduduk setinggan bertambah menjadi 540,495 orang atau bersamaan dengan 121,090 ketua keluarga di seluruh negara. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja, terdapat 197 buah perkampungan setinggan yang melibatkan 23,970 rumah setinggan. Sehubungan itu, pihak kerajaan dalam usaha mengawal pertumbuhan dan perkembangan petempatan setinggan di perkampungan air telah melaksanakan skim penempatan semula penduduk kampung air ke tanah daratan. Usaha program penempatan semula ini turut dilaksanakan di Sabah, contohnya di Kampung Tanjung Kapor, Kudat (Jabil et al. 2020). Skim penempatan semula penduduk dilaksanakan melalui Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu (DBKK) dengan menguatkuasakan *The Site and Services Scheme for Squatters Settlements*. Pada akhir tahun 1989, di bawah skim penempatan semula sebanyak 190 buah lot tanah telah disediakan kepada penghuni yang layak (Laporan Tahunan Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu, 2000-2001). Usaha mengawal pertumbuhan petempatan setinggan dan seterusnya pelaksanaan program penempatan semula ini adalah insiatif yang dilaksanakan memandangkan wujudnya pelbagai isu sosioekonomi dan persekitaran di perkampungan ini yang masih belum dapat ditangani sepenuhnya. Untuk itu, artikel ini meneliti kedua-dua isu berkenaan dalam konteks pengalaman kes perkampungan air di Semporna dan Kudat di negeri Sabah.

## **Sorotan Konseptual**

### **Petempatan**

Menurut Katiman (1990), sebuah petempatan meliputi kawasan tempat kediaman dan persekitarannya. Petempatan terdiri daripada pelbagai jenis dan bentuk iaitu petempatan sementara, separuh kekal, kekal dan petempatan terancang. Manakala petempatan boleh ditunjukkan dalam pelbagai bentuk seperti bulat, segiempat, bujur, bintang, grid, elips serta bentuk huruf T, Y, X dan sebagainya. Walau bagaimanapun, jenis dan bentuk petempatan ini seharusnya tidak dikelirukan dengan konsep pola dan taburan. Pola dan taburan lazimnya dirujuk kepada aturan dan susunan petempatan yang dilihat sebagai satu kesatuan sama ada dalam sebuah kampung atau satu wilayah. Selain daripada unsur susunan, pola petempatan boleh mengandungi elemen lain seperti kepadatan dan keseragaman. Pola petempatan dari segi susunan dan aturan rumah kediaman membentuk satu kesatuan sama ada berkelompok, berselerak, berjajar ataupun berpusat. Sejajar dengan itu, matlamat kelestarian petempatan adalah berdasarkan tiga petunjuk utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Hal ini turut merangkumi kemampuan penduduk untuk mendapat segala keperluan dan kemudahan yang disediakan adalah mencukupi dan dapat mempengaruhi kualiti hidup penduduk (Yazid Saleh et al., 2020).

### **Kampung Air dan Isu Penempatan Semula**

Kampung air merupakan petempatan yang dapat diperhatikan di kebanyakan bandar di negeri Sabah (Fatma, 2012). Menurut Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (2011-2015), terdapat 34 buah kawasan kampung air dengan 11,760 buah rumah dan 69,936 orang daripada 70% penduduk di Sabah yang tinggal berhampiran dengan zon pinggir pantai. Pada umumnya, perkampungan air dibina di atas tiang-tiang kayu yang tinggi di kawasan muara dan pinggir pantai. Kampung air sering dikaitkan sebagai tempat yang kotor dengan sampah-sarap termasuk sisa kumbahan dibuang terus ke laut. Senario ini menjadi masalah utama terhadap pencemaran alam sekitar. Menurut Mohammad Raduan (1998), reka bentuk dan bahan binaan bagi petempatan kampung air ini biasanya diperbuat daripada bahan-bahan yang boleh didapati daripada kawasan sekitar. Asas rumah seperti tiang, rangka rumah dan tangga diperbuat daripada kayu bulat yang diperolehi dari hutan (termasuk hutan bakau) atau dibeli dari kilang kayu dan papan. Manakala dinding dan atap dahulunya hanya menggunakan anyaman daun nipah. Namun pada masa kini, atap yang digunakan di kampung air kebanyakannya menggunakan zink.

Isu perkampungan air mendorong pihak kerajaan untuk melaksanakan program penempatan semula sebagai suatu inisiatif menangani pelbagai isu sosioekonomi di petempatan tersebut. Menurut Mohammad Kadir (2108), penerimaan komuniti terhadap pelaksanaan program penempatan semula meliputi tiga perkara penting, iaitu (i) penerimaan berdasarkan ekonomi yang boleh dinilai berdasarkan beberapa petunjuk yang berkaitan dengan status pendapatan, keperluan dan sara hidup penduduk di kawasan kampung, (ii) penerimaan berdasarkan faktor sosial yang diteliti berdasarkan petunjuk seperti masalah gejala sosial, sistem keselamatan, bekalan air, sumber bekalan elektrik serta pembuangan sampah dan (iii) penerimaan berdasarkan faktor alam sekitar yang merangkumi kebersihan, landskap, kemudahan pembuangan sampah dan lokasi penempatan. Jabil et al. (2020) menegaskan program penempatan semula merupakan langkah dan tindakan menyediakan program rumah kos rendah, kawalan penduduk secara langsung, program penyediaan tapak rumah kediaman disertai dengan perkhidmatan yang berkaitan dan program pembangunan komuniti.

### **Persekitaran**

Alam sekitar merupakan khazanah yang harus dijaga dan dipelihara kelestariannya. Persekitaran yang sihat dan selamat adalah penting kepada semua hidupan yang terdapat di muka bumi ini termasuk manusia. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mendefinisikan alam sekitar sebagai faktor di sekeliling manusia termasuklah tanah, air, atmosfera, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor biologi haiwan dan tumbuhan serta faktor sosial dan estetik. Alam sekitar menawar dan menyediakan tapak, sumber dan bahan semula jadi kepada manusia bagi membolehkan mereka meneruskan kelangsungan hidup di muka bumi ini (Haliza, 2005). Menurut Raman (2003), alam sekitar merupakan segala elemen yang berada sekeliling kita. Persekitaran adalah keseluruhan keadaan luaran yang mempengaruhi kehidupan manusia, persekitaran menentukan kualiti dan hidup matinya sesuatu penghidupan. Untuk kesinambungan kehidupan, manusia memerlukan sumber alam seperti tanah, air dan udara. Namun ketersediaan sumber alam yang diperlukan adalah terbatas. Dalam hal ini, pengurusan yang baik, bertanggungjawab dan menggunakannya secara bijaksana adalah perlu. Ini kerana persekitaran sering kali mempengaruhi kelangsungan aktiviti manusia (Iskandar Zainuddin et al., 2018). Secara umumnya, interaksi manusia dengan persekitaran mempengaruhi peri laku manusia (Khairros Md Saini et al., 2019).

## Metode Kajian

Kajian ini melibatkan tinjauan terhadap dua kawasan petempatan kampung air di negeri Sabah. Pengkaji membuat pemerhatian berkala sepanjang tahun 2017 hingga 2019 dengan meninjau persekitaran kedua-dua kampung yang dikaji, iaitu Kampung Tanjung Kapor di Kudat dan tiga buah kampung air di Semporna, iaitu Kampung Air, Kampung Simunul dan Kampung Bangau-Bangau. Di samping pemerhatian, pengkaji turut menemu bual penduduk secara tidak langsung untuk beberapa isu sosioekonomi dan persekitaran yang berkaitan.

## Latar Belakang Petempatan Kampung Air di Semporna: Kampung Air, Kampung Simunul dan Kampung Bangau-Bangau

Kampung Air adalah petempatan atas air laut yang terletak dalam kawasan pekan Semporna. Ia bersebelahan dengan masjid pekan ini. Kedudukan rumah lebih tersusun dalam bentuk berjajar kerana terdapat jambatan utama dari darat ke arah laut yang dibahagikan kepada 9 lot perumahan yang diwakili oleh setiap satu jambatan utama tersebut. Kemudahan asas yang disediakan ini ialah bekalan elektrik dan air, kemudahan jalan raya di bahagian darat kampung, masjid dan sekolah rendah. Menurut temu bual tidak langsung bersama salah seorang penduduk kampung, masalah yang sering dihadapi adalah masalah bekalan air dan bekalan elektrik yang selalu terputus serta pecah rumah. Berdasarkan temu bual bersama Ketua JKKK Kampung Air, majoriti penduduk yang tinggal di Kampung Air adalah warganegara Malaysia daripada suku kaum Bajau, Brunei, Suluk dan Bugis. Tinjauan awal penyelidik mendapati kawasan persekitaran terutamanya di pinggir pantai perkampungan ini mengalami masalah pencemaran sampah yang teruk.



**Foto 1:** Kampung Air, Semporna  
*Sumber :* Penyelidik (2018).

Kampung Bangau-Bangau adalah salah sebuah perkampungan atas air yang terletak kurang daripada satu kilometer dari pekan Semporna. Kedudukan rumah di atas laut adalah berselerak, dibina rapat dan ada yang dihubungkan antara rumah dengan titian kecil sahaja. Majoriti penduduk di kampung ini adalah daripada suku kaum Bajau Laut dan Suluk. Antara kemudahan yang terdapat di kampung ini ialah bekalan elektrik dan air, kemudahan jalan raya di bahagian darat kampung, masjid dan sekolah rendah. Berdasarkan temu bual tidak langsung dengan penduduk yang ditemui, gejala sosial yang berlaku di sini ialah mencuri, pecah rumah dan mengedar syabu.



**Foto 2:** Kampung Bangau-Bangau, Semporna  
*Sumber : Penyelidik (2018).*

Kampung Simunul terletak kurang satu kilometer dari pekan Semporna dan berhampiran dengan hutan paya bakau. Majoriti penduduknya adalah daripada suku kaum Suluk dan Bajau. Seperti di Kampung Bangau-Bangau, kedudukan rumah di atas laut di kampung ini adalah berselerak, dibina rapat dan ada yang dihubungkan antara rumah dengan titian kecil sahaja. Antara kemudahan yang terdapat di kampung ini ialah bekalan elektrik dan air, kemudahan jalan raya di bahagian darat kampung, masjid dan sekolah rendah dan balai polis marin. Berdasarkan temu bual dengan salah seorang penduduk kampung, terdapat pendatang tanpa asing (PATI) yang tinggal di petempatan ini.



**Foto 3:** Kampung Simunul, Semporna  
*Sumber : Penyelidik (2018).*

**Latar Belakang Petempatan Kampung Air di Kudat: Kampung Tanjung Kapor**

Kampung Tanjung Kapor merupakan perkampungan yang terletak di kawasan yang berhampiran dengan bandar Kudat dengan jarak dalam lingkungan dua kilometer. Majoriti penduduknya adalah daripada suku kaum Bajau Ubian, Sungai, Suluk dan Bugis. Menurut Ketua Kampung, iaitu Arman bin Majud, Kampung Tanjung Kapor terbahagi kepada dua bahagian iaitu Tanjung Kapor 1 dan Tanjung Kapor 2. Setiap Bahagian mempunyai ketua kampung dan JKKK tersendiri namun mereka tetap bekerjasama dalam satu kampung.

Kebanyakan penduduk di Kampung Tanjung Kapor lebih tertumpu kepada aktiviti nelayan dan berniaga (Foto 4).



**Foto 4:** Kampung Tanjung Kapor, Kudat  
*Sumber : Penyelidik (2019).*

## **Isu-Isu Sosioekonomi di Petempatan Kampung Air di Semporna dan Kudat**

### **Isu Kemiskinan**

Berdasarkan tinjauan awal, penyelidik mendapati kampung air yang berdekatan dengan pekan Semporna masih dibelenggu kemiskinan. Perkampungan ini sendiri menggambarkan kemampuan sosioekonomi penduduknya yang masih rendah dan ala kadar sahaja. Majoriti penduduk bekerja sebagai nelayan dan mengusahakan aktiviti sektor informal seperti menjual ikan, sayur-sayuran, kuih-muih, barang kelengkapan dapur, kain dan seumpamanya sama ada di tepi jambatan atau dari dalam rumah serta menjual di pekan. Penduduk menggunakan sumber pendapatan dari pekerjaan tersebut untuk menyara hidup mereka dalam satu isi rumah. Pada umumnya, kemiskinan bukan sahaja terbatas kepada aspek kebendaan seperti wang dan pemilikan gajet serta aset peribadi, tetapi ia turut melibatkan aspek pendidikan formal dan kesihatan. Penduduk mendirikan petempatan di kampung air kerana mereka tidak memiliki tanah persendirian. Isu kemiskinan menjadi satu topik permasalahan utama dalam sesebuah negara kerana kebergantungan terhadap sumber pendapatan. Aspek pemilikan rumah serta akses pendidikan, kesihatan, pengurusan kewangan dan kemudahan lain yang disediakan merupakan faktor pendorong yang mempengaruhi kelompok isi rumah yang miskin (Mohd Sahrul et al., 2019).

Berdasarkan pemerhatian awal di Kampung Tanjung Kapor, Kudat juga mempunyai penduduk yang miskin terutama di kawasan pinggir pantai (Foto 5). Kebanyakan penduduk di Kampung Tanjung Kapor melakukan aktiviti nelayan sebagai sumber pendapatan mereka. Terdapat juga pengusaha sektor informal seperti berniaga dengan menjual keperluan asas. Hal ini bermakna penduduk kampung Tanjung Kapor masih dibelenggu dengan isu kemiskinan terutama kepada penduduk yang hanya bekerja sebagai nelayan atau peniaga kecil-kecilan.



**Foto 5:** Rupa bentuk rumah dan tandas penduduk di Kampung Tanjung Kapor, Kudat  
*Sumber : Penyelidik (2019)*

#### **Sumber dan Pola Pekerjaan**

Penduduk di kampung air terdiri daripada mereka yang memiliki kewarganegaraan Malaysia, status penduduk tetap dan ramai juga yang tiada dokumen yang sah termasuk pendatang tanpa izin yang sudah lama menetap di petempatan ini. Terdapat dalam kalangan mereka yang hanya berpendidikan sekolah menengah, sekolah rendah dan ada yang tidak mendapat pendidikan formal di samping yang dahulunya berhijrah dari kepulauan di selatan Filipina dan seterusnya menetap dengan saudara mara di kampung ini. Justeru, dengan ketiadaan pendidikan yang formal dan setakat belajar di sekolah rendah dan menengah sahaja, maka sumber pekerjaan penduduknya terbatas kepada konsep bekerja sendiri sahaja seperti nelayan dan berniaga dalam sektor informal termasuk sebagai pemandu teksi, kereta sapu, pembantu kedai dan restoran, mengusahakan kedai jahit dan gunting rambut secara kecil-kecilan, bekerja di pasaraya dan sektor pembinaan. Tahap pendidikan rendah sering dikaitkan dengan masyarakat di kawasan luar bandar. Ini kerana mereka menghadapi kekangan dalam aspek mendapatkan ilmu pendidikan, peluang pekerjaan dan memperoleh pendapatan tinggi (Siti Masayu Rosliah & Narimah, 2018).



**Foto 6:** Aktiviti Perniagaan Kecil-Kecilan (Sektor Informal) di Kampung Air, Semporna  
*Sumber : Penyelidik (2018).*



Foto 6 menunjukkan antara contoh aktiviti sektor informal yang diusahakan oleh penduduk di Kampung Air. Sehubungan itu, terdapat sesetengah ibu bapa yang berpendapatan kecil serta tidak mampu menyara persekolahan anak-anak di samping ada masalah kerakyatan. Implikasinya, ibu bapa hanya mewariskan pekerjaan mereka kepada anak-anak untuk terus bekerja sebagai nelayan dan terlibat dalam aktiviti sektor informal. Pendidikan ibu bapa yang rendah cenderung menyebabkan pencapaian pendidikan turut rendah dalam kalangan anak mereka. Kemiskinan menyebabkan persekitaran yang tidak menggalakkan pembelajaran, seperti suasana bising serta terpaksa membantu ibu bapa (Siti Masayu Rosliah & Narimah, 2018).



**Foto 7 :** Bot untuk Aktiviti Nelayan di Kampung Tanjung Kapor  
*Sumber : Penyelidik (2019).*

Penduduk Kampung Tanjung Kapor, Kudat memperolehi sumber pendapatan berdasarkan aktiviti nelayan dan perikanan (Foto 7). Walaupun terdapat anak-anak mereka yang berkerjaya sama ada kerja dalam kerajaan namun tetap meneruskan kehidupan mereka sebagai nelayan di tempat asal. Berdasarkan pemerhatian, penduduk kampung Tanjung Kapor lebih menumpukan pekerjaan mereka kepada aktiviti nelayan dan berniaga sendiri sahaja.

### **Kemudahan Asas dan Infrastruktur**

Di Semporna, petempatan kampung air masih menerima beberapa bantuan daripada pihak kerajaan. Sebagai contoh, mangsa kebakaran diberikan rumah kongsi sementara dan khemah. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, penduduk Kampung Air yang ditimpa musibah kebakaran diberikan bantuan pembaikan rumah dan jambatan (Foto 5). Namun begitu, bantuan kemudahan asas seperti tong sampah dan sistem perpaipan sumber air bersih ke rumah tidak disediakan. Menurut Abdullah Sani (2009), permintaan untuk menjadikan petempatan Kampung Air sebagai perkampungan warisan telah dipohon dengan meminta agar infrastruktur kampung diperbaiki dan dilaksanakan penyusunan lot perumahan. Permohonan bantuan dipersetujui oleh Datuk Haji Ramli Marhaban, ADUN Bugaya dengan memberikan bantuan penyediaan pilih bomba dan generator air bagi keperluan penduduk kampung. Infrastruktur sosial adalah satu keperluan prasarana yang penting dalam kehidupan manusia hari ini. Hal ini

merujuk kepada kemudahan masyarakat, perkhidmatan, rangkaian yang membantu individu, keluarga, kumpulan dan masyarakat memenuhi keperluan sosial mereka. Penyediaan infrastruktur sosial yang menjadi keperluan setiap kelompok masyarakat bukanlah sesuatu yang harus dipandang ringan walau di mana kita berada. Keperluan ini adalah penting untuk masyarakat meneruskan kehidupan yang sempurna (Kamal Solhaimi, 2016).



**Foto 8 :** Bantuan Pembaikan Kemudahan Jambatan dan Bekalan Elektrik di Kampung Air  
*Sumber : Ihsan Penduduk (2017).*

Berbeza dengan petempatan kampung air di Kampung Simunul, kemudahan asas didapati kurang diambil berat sehinggakan ada jambatan dan titi yang menghubungkan antara rumah dan ke kawasan darat telah usang dan rosak (Foto 9).



**Foto 9:** Titi yang Usang di Petempatan Kampung Simunul  
*Sumber : Penyelidik (2018).*

Dalam kes Kampung Bangau-Bangau, bantuan pembinaan rumah sementara dalam bentuk rumah panjang telah disediakan oleh kerajaan kepada mangsa kebakaran yang berlaku beberapa tahun yang lalu.



**Foto 10:** Bantuan Petempatan Sementara kepada Mangsa Kebakaran di Kampung Bangau-Bangau

*Sumber* : Penyelidik (2018).



**Foto 11:** Keadaan Titian yang baik dan Tandas Awam yang usang di Kampung Tanjung Kapor

*Sumber* : Penyelidik (2019).

Selain itu, Kampung Tanjung Kapor mempunyai pelbagai kemudahan asas yang telah disediakan oleh Kerajaan. Antara kemudahan yang terdapat di kampung tersebut iaitu kawasan perhentian bas, sekolah tabika, tempat beribadat, kawasan permainan dan jalan raya. Meskipun keadaan jambatan (titian) di kawasan pinggir pantai agak baik, namun terdapat sesetengah tandas yang agak usang dan berada jauh di hujung pinggir pantai (Foto 11). Untuk itu, penyediaan fasiliti dengan kadar aksesibiliti yang tinggi merupakan satu keperluan yang tidak lagi boleh dipandang ringan. Pihak berkuasa tempatan harus memainkan peranan penting dengan penyediaan pelan tindakan dan mekanisme dalam memastikan aksesibiliti yang baik disediakan pada masa hadapan (Syahrizal & Syed Ahmad, 2019).

### Bencana Kebakaran

Sejak kebelakangan ini, petempatan kampung air di Sabah sering menghadapi bencana kebakaran sehingga menyebabkan kemusnahan harta benda dan nyawa. Antaranya kebakaran berlaku di Kampung Pangkalan di Kunak, Kampung Pondo' di Pulau Gaya, Kampung Tanjung Kapor di Kudat dan Kampung Air di Semporna. Sebagai contoh, satu kebakaran besar berlaku di Kampung Bangau-Bangau yang mengakibatkan 500 buah rumah musnah (Foto 11).



**Foto 11** : Kebakaran di Kampung Bangau-Bangau  
*Sumber* : Ihsan Penduduk (2017).



**Foto 12** : Petempatan Sementara Mangsa Kebakaran di Kampung Bangau-Bangau  
*Sumber* : Ihsan Penduduk (2017).

Foto 12 menunjukkan petempatan sementara yang disediakan kepada mangsa kebakaran di Kampung Bangau-Bangau. Pada tahun 2019, Kampung Air yang terletak berhampiran pekan Semporna turut mengalami kebakaran besar.



**Foto 13 :** Petempatan yang terlibat dengan Kebakaran di Kampung Tanjung Kapor  
*Sumber : Ihsan Penduduk (2017).*

Foto 13 menunjukkan petempatan kampung Tanjung Kapor juga mengalami masalah kebakaran. Pada tahun 2016, kebakaran berlaku di Kampung Tanjung Kapor yang memusnahkan banyak rumah di kawasan pinggir pantai.


### **Masalah Jenayah dan Gejala Sosial**

Kawasan petempatan kampung air sering kali dikaitkan dengan pelbagai kegiatan jenayah seperti isu penyalahgunaan dadah, penyeludupan, perjudian dan pelacuran (Amaluddin et al, 2004). Di Kampung Air, Semporna didapati aktiviti penyeludupan, perjudian dan pecah rumah adalah antara kes jenayah yang berlaku. Malah, petempatan di kampung air adalah lokasi yang menjadi tumpuan pendatang tanpa izin untuk masuk ke negeri ini. Kejadian pencerobohan yang berlaku di Lahad Datu turut membawa kepada kejadian kes tembak-menembak di Kampung Sri Jaya, Simunul, Semporna yang menyebabkan enam orang anggota polis terkorban ketika membuat serbuan di kampung berkenaan. Kedudukan rumah yang rapat dan tidak teratur memudahkan pihak penganas bersembunyi. Situasi ini menambahkan kesulitan dan risiko diserang hendap oleh penganas ketika pihak polis membuat pengegedahan dari rumah ke rumah di perkampungan tersebut. Manakala di Kudat, berdasarkan temu bual bersama En. Haji Jainal Abidin merupakan JKKK Kampung Tanjung Kapor menyatakan kawasan perkampungan tersebut turut terlibat dengan masalah jenayah yang melibatkan kes penjualan syabu dan aktiviti menghisap syabu. Perkara ini masih berlaku sehingga ke hari ini. Masalah pengangguran merupakan antara faktor berlakunya kes jenayah. Dengan tingkah laku dan disiplin yang rendah, golongan ini didapati sukar mendapat pekerjaan walaupun dalam bidang pekerjaan sokongan atau bawahan (Rosniza Aznie et al., 2016).

## Isu-Isu Persekitaran Di Petempatan Kampung Air di Semporna dan Kudat

### Pembuangan Sisa Pepejal dan Kumbahan serta Pencemaran Bau

Isu pembuangan sisa pepejal dan kumbahan adalah yang paling kritikal di kebanyakan petempatan atas laut termasuklah di tiga kampung iaitu Kampung Air, Kampung Simunul dan Kampung Bangau-Bangau, Semporna serta Kampung Tanjung Kapor di Kudat. Masalah ini ditambah pula dengan sikap penduduk yang membuang sisa makanan dan sisa domestik serta penggunaan tandas yang kesemuanya dibuang terus ke laut. Pada waktu air laut pasang, sisa makanan, domestik dan kumbahan ini akan terapung dan ada kalanya dalam kuantiti yang banyak. Bukan sahaja sisa buangan dari kampung ini turut dihanyutkan malah sisa dari kampung air lain, sisa dari aktiviti penduduk serta peniaga di pekan turut dibuang ke laut (Foto 14). Secara umumnya, proses pengasingan sisa pepejal isi rumah dilakukan mengikut kategori komposisi sisa seperti sisa kitar semula dan sisa baki. Sisa-sisa yang diasingkan akan dikutip setiap minggu mengikut jadual yang ditetapkan (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 2018) Namun pada masa ini, Sabah masih tidak mempunyai satu peraturan khusus mengenai pengasingan sisa dipunca. Ini menyebabkan negeri ini berdepan dengan longgokan sisa kitar semula. Selain itu situasi ini turut menjadi masalah dalam pengurusan sisa pepejal ditambah lagi dengan sikap masyarakat. Ketiadaan peraturan, garis panduan atau undang-undang menjadikan pengurusan sisa di Sabah masih kekal dengan corak pengurusan tradisi (Mohammad Tahir et al., 2019).



**Foto 14 :** Longgokan Sampah Sarap di Pinggir Pantai Kampung Tanjung Kapor, Kudat  
*Sumber : Penyelidik (2019).*

Sisa ini akan dihanyutkan dibawa arus dan pasang surut. Seterusnya, sisa pepejal dan kumbahan ini dihanyutkan ke pantai termasuklah ke pantai di kawasan tiga kampung air yang dikaji. Sisa tersebut terkumpul dan tersekat di situ, berbau busuk dan mencemarkan pandangan terutamanya pelancong dan pelawat yang datang ke pekan Semporna (Foto 15). Apatah lagi, kampung air terutamanya adalah petempatan atas laut yang terletak betul-betul dalam kawasan pekan ini. Inisiatif yang boleh diambil adalah dengan melakukan kitar semula. Ini merupakan satu tindakan yang baik bukan sahaja untuk menjaga persekitaran bahkan menjana pendapatan penduduk setempat. Jika dilihat banyak botol-botol plastik yang terdapat di kawasan kajian yang boleh dikitar semula dan dijual oleh penduduk yang boleh menjadi salah satu sumber

pendapatan penduduk. Kajian di Negeri Sembilan mendapati kira-kira 60% responden menjual barangan kitar semula seperti besi, tin aluminium, kertas, bahan plastik dan botol kaca kepada peniaga atau pengusaha kitar semula (Sakawi et al., 2017).



**Foto 15** : Sisa Pepejal dan Sampah-Sarap di Pinggir Pantai Kampung Air, Semporna  
*Sumber* : Penyelidik (2018).

#### **Pembuangan Sampah-Sarap dan Pencemaran Air Laut**

Di petempatan kampung air, sampah dari dalam rumah biasanya disapu dan terus dibuang ke laut. Demikian juga sisa domestik seperti beg plastik, pembungkus makanan, botol minuman, tin, kertas pembungkus termasuk barangan rumah yang tidak digunakan atau rosak seperti pinggan mangkuk yang pecah dan seumpamanya akan dibuang terus dari atas rumah ke laut. Apatah lagi, jika rumah seseorang itu terletak jauh ke laut dan mengambil masa untuk berjalan ke darat melalui titi dan jambatan. Justeru, membuang sampah dan sisa domestik ke laut adalah jalan penyelesaian yang paling mudah. Ia adalah suatu budaya dan amalan kebanyakan penduduk di petempatan kampung air. Berdasarkan tinjauan awal penyelidik ke kampung air, tidak terdapat kawasan pembuangan sampah yang khas di bahagian darat sebelum masuk ke perkampungan atas air (Foto 16). Dengan kata lain, petempatan atas air adalah sinonim dengan masalah pembuangan sampah-sarap dan pengurusannya yang lemah. Sampah sarap didefinisikan sebagai barang yang tidak dikehendaki dan lain-lain bahan termasuklah bahan daripada sampah industri perdagangan, pertanian dan aktiviti masyarakat tetapi tidak meliputi pepejal atau bahan terlarut dalam pembetulan domestik atau tanda-tanda pencemar air seperti kelodak dan pepejal terampai di dalam sampah industri (Shamsuddin, 2016). Masyarakat di kawasan ini perlu diterapkan dengan amalan pengurusan sampah sarap yang baik. Pengurusan sampah sarap pula ditakrifkan sebagai suatu disiplin ilmu yang berkaitan dengan kawalan penjaan, penyimpanan, pengumpulan, pemindahan, pengangkutan, pemprosesan dan pelupusan sampah di tapak pelupusan sampah dengan suatu kaedah yang sesuai dengan asas kesihatan orang ramai, ekonomi, kejuruteraan, pemuliharaan, estetik dan pertimbangan kepada alam sekitar (Nur Ain, 2018).



**Foto 16 :** Longgokan Sampah-Sarap di Kawasan Darat di Sekitar Kampung Air  
*Sumber : Penyelidik (2019).*

Kampung Tanjung Kapor, Kudat turut mengalami masalah pembuangan sampah yang hampir sama dengan keadaan di Kampung Air di Semporna. Hal ini kerana perkampungan Tanjung Kapor turut terletak di pinggir pantai, penduduk turut membuang sampah terus ke laut disebabkan ketiadaan tempat pembuangan sampah. Namun di kawasan kampung Tanjung Kapor pula berbeza kerana kawasan darat terdapat sampah sarap yang dilonggokan dan tidak dibuang ke tempat pembuangan sampah. Akibat daripada pembuangan ini menyebabkan penduduk semakin gemar membuang di daratan sahaja tanpa membuang di tempat pembuangan sampah (Foto 17). Keadaan ini disebabkan oleh sikap sesebuah masyarakat itu sendiri yang tidak ingin melakukan perubahan menyebabkan amalan ini menjadi satu budaya. Kurangnya kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar dalam kalangan masyarakat menyebabkan pembuangan sampah terus ke laut dan pencemaran air laut akan terus berlarutan. Penjagaan alam sekitar memerlukan peranan secara kolektif daripada seluruh manusia dengan memastikan setiap peraturan yang telah ditetapkan mampu dipatuhi dan dilaksanakan. Sebarang tindakan yang bertujuan mencerooboh dan melanggar sempadan peraturan ini bukan sahaja akan menggugat kestabilan ekosistem yang wujud, bahkan berpotensi mendatangkan implikasi yang buruk terhadap kesejahteraan kehidupan manusia. Hal ini bermakna sebarang tindakan dan perbuatan manusia berkaitan dengan alam sekitar mempunyai kesan berangkai yang akhirnya akan kembali kepada kelompok manusia itu sendiri (Khairul Azhar, 2019).





**Foto 17 :** Longgokan Sampah-Sarap di Kawasan Darat di Kampung Tanjung Kapor, Kudat  
*Sumber:* Penyelidik (2019).

### **Kesimpulan**

Petempatan kampung air adalah sinonim dengan isu-isu sosioekonomi dan persekitaran seperti yang dibincangkan dalam kertas kerja ini. Faktor lokasi dan kedudukan rumah di atas air laut serta sikap dan budaya yang telah sebat di samping latar belakang pendidikan serta taraf hidup yang rendah adalah antara penyebab utama senario ini berlaku dan berterusan sehingga kini. Inspirasi kampung air di Brunei perlu jadi contoh untuk sebuah petempatan atas air yang berjaya kerana diurus dengan sistematik terutamanya aspek penyusunan struktur petempatan yang teratur dan terancang serta pengurusan dalam pembuangan sisa pepejal, sisa kumbahan dan domestik yang sistematik dan berintegriti. Justeru, dalam hal ini, terdapat tiga pilihan untuk melihat masa depan komuniti dan petempatan kampung air pada masa hadapan iaitu (i) ia kekal terus seperti sekarang - isu sosioekonomi dan persekitaran tanpa penghujung, (ii) mula menstrukturkan kampung air (kampung sedia ada atau kampung air baharu) yang lebih terancang dan perubahan minda komuniti - isu kos yang tinggi dan perubahan mentaliti yang memerlukan masa yang panjang untuk berubah dan (iii) penempatan semula kampung atas air ke kawasan darat dengan lebih terancang dan sistematik - isu kos, logistik dan masa untuk penyediaan kemudahan asas, prasarana serta aktiviti dan program pemeraksanaan komuniti untuk menjana ekonomi sendiri yang berdaya saing.

### **Rujukan**

- Abdullah Sani Hj Abdul Salleh. (2009). Profile Kg. Ayer Semporna dan Peristiwa Kebakaran. 15 Dec. Laporan khas dan cadangan Kg. Ayer Semporna.
- Amaluddin Bakeri & Mohammad Raduan Mohd Atiff. (2004). Pembongkaran petempatan kampung air di Pulau Borneo: Kajian kes Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Jati*, 9, 41-65.
- Amaluddin Bakeri. (2002). *Hubungan Petempatan Kampung Air Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam: Kajian Kes Di Kampung Seberang Kedai, Limbang*. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Amaluddin Bakeri. (2005). *Masalah Perpindahan Penduduk Kampung Air ke Daratan: Satu Kajian di Petempatan Kampung Air Negeri Sabah*. Institut Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Malaya.

- Anand, S. (1993). *Inequality and Poverty in Malaysia: Measurement and Decoposition*. New York: Oxford University Press.
- Chan Ngai Weng. (2004). *Managing Water Resources in the 21<sup>st</sup> Century: Involving All Stakeholders Towards Sustainable Water Resources Management in Malaysia*. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatma Sabariah Alias. (2012). *Evaluation of Solid Waste Management Practices and Challenges at Sabah Water Village*. Persidangan Kebangsaan Pembangunan dan Pendidikan Lestari. Anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Tunku Bainun, Bukit Mertajam Pulau Pinang. Universiti Putra Malaysia, 19-20 September 2012.
- Haliza Abdul Rahman. (2005). *Ekosistem Hutan Bakau di Selangor. Satu Kajian daripada Segi Pelaksanaan Dasar Berkaitan Alam Sekitar*. Tesis Doktor Falsafah (Tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iskandar Zainuddin Rela, Abd Hair Awang, Zaimah Ramli & Suhana Saad. (2018). Mengukur kesejahteraan komuniti lokal: Kajian kes hasil tanggungjawab sosial korporat perlombongan dan kilang nikel di Indonesia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(3), 51-67.
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. (2018). Pengasingan Sisa Pepejal di Punca. <http://jpspn.kpkt.gov.my>.
- Jabil Mapjabil, Mohammad Kadir Zainal Abidin, Mazdi Marzuki & Rosmiza M. Z. (2020). Tahap pengetahuan dan kepentingan kepada penduduk terhadap kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula di Kudat, Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 8, 75-84.
- Laporan Tahunan Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu 2000-2001. Dlm. Amaluddin & Mohammad Raduan (Editor). *Pembongkaran Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo: Kajian Kes Kota Kinabalu*, 9.
- Kamal Solhaimi Fadzil, Wan Suzita Wan Ibrahim, Siti Nor Awang, Rosilawati Zainol, Juli Edo. (2016). Masyarakat pribumi, infrastruktur sosial dan pembangunan terancang di Malaysia: Kajian penglibatan masyarakat Orang Asli di RPS Air Banun, Belum-Temengor, Perak. *Journal of Society and Space*, 12(10), 88-100.
- Katiman Rostam. (1990). *Konsep Asas Geografi Manusia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairros Md Saini, Rosmadi Fauzi, Saripah Osman. (2019). Pengaruh persekitaran terhadap psikologi dalam kalangan pelajar dari perspektif kualiti hidup di Universiti Malaya. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(1), 1-13.
- Khairul Azhar Meerangani. (2019). *Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid Syariah*. Kolej Universiti Islam Melaka: Akademi Pengajian Islam.
- Mohammad Kadir Zainal Abidin. (2018). Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula: Kajian Kes di Kampung Tanjung Kapor, Kudat. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff. (2000). *Strategi Pembangunan dan Pola Perubahan Penempatan Kampung Air di Pulau Borneo*. Beriga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam. Bil. 68, hal. 50.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff. (1996). *Dari kota air ke perkampungan setinggan: Satu kajian tentang sejarah perkembangan perkampungan air di Sabah 1750-1990*. Simposium Antarabangsa Kampong Ayer. Akademi Pengajian Brunei. Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. 6-9 September 1996.

- Mohammad Tahir Mapa, Lokman Mohd Haris, Fionna Geogre, Molia Sebi Dinggai, Adi Japar & Aliakbar Gulasan. (2019). Kajian komposisi dan pengasingan sisa pepejal di kawasan perumahan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(2), 117-128.
- Mohd Sahrul Syukri, Nurul Farahein & Narimah Samat. (2019). Penggunaan analisis faktor bagi menentukan faktor pendorong kemiskinan isi rumah di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16 (6), 1-18.
- Nik Juliana Alias, Mariney Mohd Yusoff & Fauza Abd. Ghaffar. (2014). *Penempatan Semula Setinggalan di Bandar dan Implikasinya terhadap Komuniti*. Dlm. Jabil Mapjabil, Mazdi Marzuki & Zikri Muhammad (Ed.). *Isu-Isu Petempatan Bandar di Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nur Ain Abd Muin. (2018). Pengurusan Sampah Di Kuala Lumpur, 1974-2004: Peranan pihak kerajaan dan pihak awam. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1) 123-140.
- Raman Mariyappan. (2003). Geografi dan Pembangunan. Dlm. Dani Salleh dan Abdul Rahman Aziz (Ed.). *Asas Kefahaman Pengurusan Pembangunan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 93-102.
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters & Marja Azlina Omar. (2003). Pendatang Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan. *Jurnal Jati*, 8 : 217-240.
- Rosniza Aznie Che Rose, Nur Malinda Samsuddin, Rosmiza MZ & Lyndon N. (2016). Implikasi perubahan pembangunan bandar terhadap keselamatan awam: Kajian kes di Bandar Muadzam Shah, Pahang. *Journal of Social Sciences and Humanities Special*, 1 (September 2016), 107-120.
- Sakawi, Z., Ayup, S. & Sukimi, M.F. (2017). Pengetahuan komuniti dan amalan pengurusan sisa pepejal di Negeri Sembilan. *Geografia: Journal of Society and Space*, 13(4), 126-137.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 11-23.
- Shah Rizal & Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin. (2019). Aksesibiliti surau di dalam pusat membeli-belah sebagai sebuah pusat ibadat Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(1), 1-19.
- Shamsuddin Suhur. (2016). Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127): Peranan dan keberkesanan peraturan dan perintah dan kaedah-kaedah di bawahnya. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Strategic Plan for Kota Kinabalu City Hall 2011 – 2015, (2011), Kota Kinabalu City Hall.
- Todaro, M. (1997). *Economic Development* (6<sup>th</sup> edition). London: Longman.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2013). *Pendatang dan Isu Keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Yazid Saleh, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan & Saiyidatina Balkhis Notkhaidi. (2020). Perbezaan kualiti hidup penduduk berdasarkan ciri demografi di pusat petempatan kecil: Kajian kes Daerah Muallim, Perak, Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(1), 12-21.
- Mohammad Kadir Zainal Abidin. (2018). Penerimaan Komuniti terhadap Program Penempatan Semula: Kajian Kes di Kampung Tanjung Kapor, Kudat. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti